

CABARAN MEREYAKASA PUSAT SUMBER TERHADAP PEMBELAJARAN ABAD KE-21 MURID ORANG ASLI DI CAMERON HIGHLAND, PAHANG

Suradi bin Hassan

Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa
suradi@ipgm.edu.my

Mazlina binti Johari

Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa
mazlina.johari@ipgm.edu.my

Abstrak

Pusat sumber sekolah ialah salah satu gedung ilmu dalam sekolah yang membolehkan guru dan murid untuk mengakses pelbagai bahan sumber. Tujuan utama pusat sumber sekolah ialah memastikan semua warga sekolah mendapat akses yang baik terhadap buku dan pembacaan, maklumat serta teknologi maklumat. Namun begitu, penyelidik mendapati terdapat cabaran dalam menguruskan pusat sumber sekolah yang berkualiti terutama di sekolah murid orang Asli. Terdapat dua objektif dalam kajian ini, iaitu mengenal pasti cabaran guru mereyakasa bahan-bahan pusat sumber terhadap pembelajaran abad ke-21 murid orang Asli, dan mengenal pasti cabaran guru mereyakasa program-program pusat sumber terhadap pembelajaran abad ke-21 murid orang Asli. Reka bentuk kajian yang dijalankan ialah secara kualitatif dengan triangulasi secara temu bual separa berstruktur, analisis perekodan dan bahan, dan pemerhatian secara langsung. Dapatan kajian mendapati banyak cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh penyelaras dalam mendepani pengurusan pusat sumber sekolah yang berkualiti. Hal ini berpunca daripada kurang cakna tentang Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 3 Tahun 2005 - Penyelarasan Waktu Mengajar Bagi Guru Penyelaras Bestari Serta Guru Perpustakaan dan Media Sekolah (Guru Penyelaras Pusat Sumber Sekolah). Selain itu, keupayaan murid orang Asli membaca agak lemah, dan infrastruktur dan suasana yang kurang kondusif menjadi punca motivasi murid ke pusat sumber sekolah menurun. Kesimpulannya, cabaran mereyakasa pusat sumber sekolah bermula dengan pelantikan guru yang berkecukupan agar kualiti pengurusan dapat dipertingkatkan dari akar umbi lagi.

Kata kunci: Pusat sumber, bahan bacaan, program pusat sumber, mereyakasa, pengurusan, sarana ibu bapa.

PENDAHULUAN

Pusat sumber adalah salah satu prasarana yang seharusnya dijadikan ikonik transformasi sekolah lantaran gedung ilmu bermula di situ. Pengoptimuman pengurusan pusat sumber bukan terletak kepada kapasiti bahan, dan program yang dilaksanakan semata-mata tetapi bagaimana kemenjadian murid dapat diperkasa menerusi 'keintelektualan' khutub khanah itu sendiri. Maka, pusat sumber sebagai sebuah gedung ilmu memberikan perkhidmatan akses maklumat

bersepadu yang mengandungi pelbagai sumber pendidikan dalam bentuk bahan cetak, bukan cetak dan digital. Pusat sumber perlu diurus secara sistematik dan efisien bertujuan memupuk tabiat membaca, literasi maklumat, dan pembelajaran sepanjang hayat selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Namun begitu, terdapat cabaran, halangan dan kekangan dalam menguruskan pusat sumber sekolah yang berkualiti. Oleh itu, kertas konsep ini dibuat untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi dalam mereyakasa pengurusan pusat sumber di sekolah murid orang Asli di Cameron Highland, Pahang.

OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat dua objektif dalam kajian ini, iaitu:

1. Mengetahui cabaran guru mereyakasa bahan-bahan pusat sumber terhadap pembelajaran abad ke-21 murid orang Asli
2. Mengetahui cabaran guru mereyakasa program-program pusat sumber terhadap pembelajaran abad ke-21 murid orang Asli

PERSOALAN KAJIAN

Terdapat dua persoalan dalam kajian ini, iaitu:

1. Apakah cabaran guru mereyakasa bahan-bahan pusat sumber terhadap pembelajaran abad ke-21 murid orang Asli?
2. Apakah cabaran guru mereyakasa program-program pusat sumber terhadap pembelajaran abad ke-21 murid orang Asli?

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidik telah menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif. Reka bentuk kajian ini digunakan untuk menguraikan kesesuaian dan kesesuaian sesuatu kaedah penyelidikan bergantung kepada persoalan kajian yang ingin dicapai (Merriam, 2009 & Creswell, 2014). Menurut Silverman (2013) persoalan kajian yang dikaji akan diperoleh melalui penjelasan yang terperinci daripada dapatan kajian kualitatif ini. Oleh itu, persoalan kajian dalam kajian ini amat sesuai diuraikan menggunakan kaedah kualitatif. Terdapat dua persoalan kajian yang perlu diuraikan secara mendalam dan terperinci, iaitu cabaran guru mereyakasa bahan-bahan pusat sumber terhadap pembelajaran abad ke-21 murid orang Asli, dan cabaran guru mereyakasa program-program pusat sumber terhadap pembelajaran abad ke-21 murid orang Asli.

Merriam turut menjelaskan bahawa penerokaan yang mendalam sesuai dilaksanakan melalui penyelidikan kualitatif kerana pendekatan ini adalah sebuah proses induktif, iaitu para penyelidik mengumpulkan data untuk membina konsep, hipotesis, atau teori. Penyelidik kualitatif membina ke arah teori berdasarkan pemerhatian dan pemahaman yang diperoleh bagi membentuk tema, kategori, tipologi, konsep, hipotesis *tentative* dan bahkan teori tentang aspek amalan tertentu (Merriam, 2009).

Pendapat ini sejajar dengan (Merriam, 2009; & Cohen, Manion & Morrison, 2011) bahawa memahami sesuatu proses berdasarkan interpretasi terhadap pengalaman dan tingkah laku peserta kajian yang bersifat subjektif dalam konteks sebenar adalah bertepatan dengan kajian kualitatif. Penyelidikan yang bersifat penguraian dan penerangan yang meluas tentang perkara yang dikaji ini menghasilkan maklumat lebih mendalam (Cohen, Manion & Morrison, 2011). Oleh itu, sesuatu fenomena dapat difahami dari sudut pandangan dan pemahaman

peserta kajian itu sendiri (Huberman & Miles, 2002; Bogdan & Biklen, 2007; Merriam, 2009 dan Silverman, 2013).

Interpretasi berdasarkan pengalaman dan persepsi penyelidik memberi kefahaman terhadap fenomena yang dikaji. Hasil kajian adalah berbentuk deskriptif yang disokong petikan kata-kata peserta kajian. Maka, ciri-ciri tersebut bertujuan memberi kefahaman tentang proses menguruskan pengurusan pusat sumber sekolah yang dijadikan sebagai amalan guru. Kaedah kajian kes kualitatif juga membolehkan penyelidik menyelami, memahami dan meneliti proses tersebut dengan lebih terperinci.

Peserta kajian dapat memberi maklumat dengan jelas, fokus kepada persoalan kajian yang ingin dicapai serta kreatif semasa mencungkil data telah memberi peluang kepada penyelidik untuk mengumpul data yang berkualiti. Sebelum itu, bagi melicinkan kerja mengumpul data, penyelidik cuba mengenal pasti sifat semula jadi peserta kajian yang merangkumi persetujuan penglibatan mereka, dan faktor-faktor yang berkaitan berdasarkan pengalaman peserta kajian (Creswell, 2014).

DAPATAN KAJIAN

Mengenal pasti cabaran guru mereyakasa bahan-bahan pusat sumber terhadap pembelajaran abad ke-21 murid orang Asli.

Menelusuri istilah cabaran bermakna guru menghadapi kekangan, halangan, atau sesuatu yang mencabar kemampuan dan tanggungjawab dalam menguruskan pusat sumber sekolah. Dapatan kajian mendapati permasalahan utama yang timbul apabila guru tidak mempunyai ikhtisas diberi tanggungjawab sebagai guru pusat sumber.

“Saya opsyen Bahasa Melayu, baru aje 9 bulan kat (di) sekolah ni. Guru lama minta tukar sekolah lain. Guru besar lantik jaga pusat sumber...”

“Sebelum ni tak ada pengalaman. Belajar dulu pun tak ada nak tekankan sangat pasal pusat sumber...”

“Saya pun tak tahu nak cakap (urus) macam mana...”

Berdasarkan analisis temu bual dapat difahami bahawa guru yang dilantik untuk menguruskan pusat sumber sekolah tersebut ialah guru yang baharu sahaja ditempatkan di sekolah selepas menamatkan pengajian di institut pendidikan guru. Guru novis ini tidak mempunyai sebarang pengalaman dan mengakui tidak tahu untuk menguruskan pusat sumber sekolah. Hal ini demikian kerana latar belakang guru yang mempunyai sekurang-kurangnya pengalaman menguruskan pusat sumber di sekolah orang Asli tersebut telah bertukar perkhidmatan di sekolah baharu. Justeru itu, guru yang menggantikan tanggungjawab tersebut ialah guru baharu yang ditempatkan di sekolah. Maka, hal ini tidak seharusnya berlaku kerana pentadbir perlu melantik guru yang berkelayakan mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 3 Tahun 2005 - Penyelarasan Waktu Mengajar Bagi Guru Penyelaras Bestari Serta Guru Perpustakaan dan Media Sekolah (Guru Penyelaras Pusat Sumber Sekolah).

“Belum pernah ikut kursus tapi tak tahulah kalau daerah ada buat kursus cuma tak dipanggil lagi.”

“Tak pasti, sama ada ke tak nanti (kursus).”

Tiada pendedahan khusus berkaitan pengurusan pusat sumber sekolah menjadi punca guru baharu tersebut hilang punca. Berdasarkan Perkara 3.6, menerusi surat pekeliling yang dikeluarkan guru yang dilantik seharusnya telah mengikuti Kursus Pengurusan Pusat Sumber Sekolah Peringkat Asas dan Peringkat Lanjutan anjuran Bahagian Teknologi Pendidikan atau Pusat Sumber Pendidikan Negeri dan sedang memegang jawatan Penyelaras Pusat Sumber Sekolah. Hal ini bagi membolehkan guru yang dilantik tersebut mempunyai sijil penyertaan atau surat akaun mengikuti kursus. Maka, pihak pentadbir sekolah perlu cakna tentang pekeliling ini dan tidak boleh sewenang-wenangnya untuk melantik guru pusat sumber sekolah yang tiada langsung sijil penyertaan atau surat akaun mengikuti kursus pusat sumber sekolah. Justeru, jika perkara ini tidak diikuti maka amatlah malang pusat sumber sekolah diuruskan oleh tangan yang tidak mahir. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa punca permasalahan ini terjadi kerana guru tidak berpengalaman.

“Murid tak boleh baca, dorang (murid) hanya menyalin sahaja. Jadi, kalau tengok buku teks tu, kita yang kena ajar mereka baca, lepas tu ikut.”

“Ramai tak boleh baca. Dalam satu kelas tu, sorang (seorang) dua aje yang lancar. Yang tergagap tu ramai jugalah. Separuh kelas macam tu.”

Ancaman seterusnya dalam penyediaan bahan-bahan bacaan di pusat sumber sekolah ialah 60% murid tidak boleh membaca. Murid boleh menyalin tetapi tidak boleh membaca hatta suku kata sekalipun. Hal ini selari dengan pandangan Abdul Rasid Jamian (2011) yang menyatakan bahawa permasalahan murid tidak boleh membaca menjadi punca motivasi seseorang murid semakin merudum. Hal ini disebabkan murid kerap tidak hadir ke sekolah kerana tinggal jauh di pedalaman, murid malu bertanya dengan guru, murid hanya selesa berada dalam komuniti mereka, dan pelbagai faktor luaran yang lain.

Maka, satu cabaran kepada guru pusat sumber sekolah untuk mencari bahan bacaan yang sesuai untuk murid orang Asli ini boleh membaca. Hal ini juga selari dengan pandangan Azlinda A. Rahman. (2018) yang menjelaskan bahawa pemahaman bacaan bahan bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah berada pada tahap membimbangkan. Dapatan PISA pada tahun 2018 menunjukkan membaca bukan lagi hobi yang digemari oleh murid. Hal ini lantaran bahan bacaan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk murid Asli ini tidak banyak dan tidak mencukupi untuk membolehkan murid ini pandai membaca. Ia terpulang kepada guru yang mengajar untuk mempelbagaikan aktiviti membaca. Hal ini satu tanggungjawab yang sangat besar kepada guru untuk mendidik dengan ikhlas.

“Buku-buku tu dorang (murid) ambil tengok gambar ajelah. Nak baca tak boleh.”

“Setakat ni, apa yang tuan / puan perhati ajelah yang ada. Dalam 6 rak macam tu. Sebelah belakang tu, memang nak bagi lapang sebab dorang (murid) suka tengok tv (televisyen) sambil bertiarap.”

Menerusi pemerhatian yang dibuat, tidak banyak bahan bacaan seperti buku cerita yang sesuai dengan keupayaan murid berada di atas rak. Buku cerita tersebut mempunyai gambar dan ayat ringkas tertulis di bawah. Namun, murid hanya melihat gambar untuk memahami cerita yang disampaikan bukan membaca ayat yang tertera. Murid hanya menyelak buku cerita

tersebut sambil berbual dengan rakan sebaya menggunakan bahasa ibunda mereka. Hal ini berlaku kerana perkara asas dalam amalan membaca tidak dikuasai oleh murid orang Asli ini. Intervensi yang dijalankan kurang berkesan dan tidak berjaya membantu murid membaca. Hal ini selari dengan pandangan Dechant, V. (2012) yang menyatakan intervensi untuk meningkatkan kemahiran membaca murid perlu dilaksanakan secara berterusan dengan menggunakan bahan bacaan yang sesuai dan tepat dengan keupayaan murid itu sendiri. Kesimpulannya, murid orang Asli ini ingin membaca, namun dikekangi masalah tidak berupaya untuk menguasai kemahiran tersebut. Oleh itu, program-program seperti amalan membaca perlu disemarakkan di sekolah orang Asli tersebut.

Mengenal pasti cabaran guru mereyaka program-program pusat sumber terhadap pembelajaran abad ke-21 murid orang Asli.

Guru juga menghadapi cabaran untuk merancang dan membuat program-program pusat sumber yang bersesuaian dengan pembelajaran abad ke-21. Hal ini terjadi bukan kerana tidak mendapat sambutan daripada murid, namun terbatas dengan keupayaan mereka membaca. Selain itu, penglibatan ibu bapa dalam program dan aktiviti sekolah amat baik termasuklah Program NILAM yang dijalankan. Ibu bapa menyokong program yang dijalankan oleh pihak sekolah asalkan murid hendak pergi ke sekolah setiap hari.

“Bukan tak buat tapi dorang (murid) tak boleh baca. Ada pun Jom Baca 10 Minit tu, kita yang kena bacakan untuk mereka. Jadi, tak betullah kalau macam tu.”

“Mak bapa dorang (murid) memang suka kalau ada program di sekolah. Memang *support* lah (menyokong). Asalkan dorang (murid) nak pergi sekolah... sebab kalau tak ada aktiviti, dorang (murid) tak suka datang sekolah.”

Antara program yang dijalankan oleh sekolah murid orang Asli itu seperti Jom Baca 10 Minit, Program Nilam, dan Minggu Panitia berkolaborasi bersama dengan pusat sumber sekolah. Impaknya, kehadiran murid datang ke sekolah untuk mengikuti program tersebut adalah tinggi berbanding jika tiada program dijalankan. Namun begitu, kekangan murid membaca menjadi punca program itu tidak berjalan seperti yang diharapkan. Inisiatif guru membaca nyaring di hadapan murid adalah kunci utama program tersebut dapat dilaksanakan. Selain itu, sokongan ibu bapa terhadap program yang dijalankan amat baik. Hal ini dibuktikan apabila seorang murid orang Asli mewakili sekolah dalam Pertandingan Nilam peringkat Daerah Cameron Highland walaupun tewas. Mengikut catatan yang diperolehi, murid orang Asli tersebut telah membaca lebih kurang 60 buah buku setahun. Pencapaian ini amat membanggakan kerana kekangan untuk membaca dalam kalangan murid ini amat tinggi. Pencapaian yang cemerlang untuk tahap murid orang Asli.

“Ada aje NGO datang buat program. Dari IPTA pun ada datang tapi bukan secara berterusan. Macam datang sekali, habis... macam tu lah.”

“Respon dorang (murid) okey. Suka macam hari ni ada pelawat datang. Tapi biasanya, kami (cikgu) pesan kat (kepada) dorang (murid). Kalau tak, dorang (murid) tak ramai.”

Selain itu, terdapat juga dari pertubuhan dan pelajar institut pengajian tinggi awam (IPTA) datang untuk membuat program bersama pusat sumber sekolah. Namun, cabaran yang dihadapi oleh guru adalah menyediakan murid untuk hadir ke sekolah. Guru perlu memberitahu

murid bahawa akan ada pelawat yang datang untuk menjayakan program. Walaupun program yang dijalankan tidak secara berterusan, namun setidaknya-tidaknya kehadiran pelawat ini dapat menarik minat murid hadir ke sekolah.

“Program tu memang kami rancang dengan sokongan guru besar. Guru lain pun beri kerjasama yang baik.”

“Buku keluar masuk pinjaman tu, saya tak buat lagi sebab murid pun tak pinjam buku.”

“Buku yang tiada *tagging* (penandaan) tu saya tak sempat nak buat lagi. Sebab baru sembilan bulan kan. Masih tak faham nak buat macam mana.”

Penyelidik mendapati cabaran seterusnya adalah penyediaan dokumen yang kurang lengkap. Hal ini disebabkan penyelidik tidak dapat melihat kertas kerja yang disediakan oleh guru sebagai bahan bukti program dilaksanakan. Tambahan pula, penyelidik mendapati tiada rekod keluar masuk pinjaman buku yang dipinjam oleh murid. Hal ini terjadi akibat murid tidak meminjam buku di pusat sumber. Terdapat juga *tangging* (penandaan) kod buku yang tertanggal, hilang dan tidak lengkap. Perkara ini perlu diamati dan diberi perhatian khusus penyelaras pusat sumber yang baharu sahaja dilantik tersebut.

CADANGAN

Terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh dibuat untuk mengatasi permasalahan yang dihadapi di sekolah orang asli ini. Antaranya ialah garis panduan dan kriteria pemilihan Ketua Pengurusan Pusat Sumber di sekolah perlu dilaksanakan dan diguna pakai supaya isu ini dapat diatasi dengan baik. Penyelidik berpendapat bahawa guru pusat sumber perlu mempunyai sekurang-kurangnya sijil kursus pengurusan pusat sumber yang ditauliahkan kepada mereka. Hal ini dapat mengelakkan guru yang tidak mempunyai pengalaman memegang pengurusan pusat sumber yang akhirnya tidak diurus dengan cekap. Justeru itu, pihak pentadbir di sekolah perlu memainkan peranan dengan mengutamakan guru yang telah disahkan dalam jawatan, telah mengajar sekurang-kurangnya tiga tahun, mempunyai diploma atau ijazah dalam bidang seperti Diploma Sains Perpustakaan, Ijazah Sains Perpustakaan / Sains Pengajian Maklumat, Ijazah Sarjana Sains Perpustakaan / Ijazah Sarjana Sains Pengajian Maklumat, atau Ijazah dalam Teknologi Maklumat / Ijazah Sarjana dalam Teknologi Pendidikan.

Selain itu, penyelidik juga mencadangkan bahawa guru yang memegang pengurusan pusat sumber perlu mempunyai Gred DG44 dan ke atas atau mengikut kekananan sekiranya tiada guru pada gred tersebut di sekolah rendah. Pada ketika ini, Guru Perpustakaan dan Media (Guru Penyelaras Pusat Sumber Sekolah) boleh dilantik daripada Gred 41 atau 29. Oleh itu, cadangan Gred DG44 memegang perjawatan ini kerana memberi peluang kepada guru yang lebih berpengalaman di sekolah untuk menyelaras pusat sumber supaya pengalaman sedia ada dapat digunakan bagi menyediakan pengurusan yang lebih terancang, teratur, dan berkesan. Hal ini seterusnya dapat meningkatkan kompetensi guru sebagai seorang pendidik. Penyelidik juga percaya bahawa kebanyakan sekolah rendah di negara ini telah diisi dengan guru yang sekurang-kurangnya telah berada lapan tahun mengajar di sekolah. Justeru itu, guru yang mempunyai pengalaman lebih lama di sekolah dapat dijadikan suri teladan kepada guru muda atau guru novis.

Seterusnya, penyelidik juga mencadangkan agar guru pusat sumber perlu dipilih daripada guru yang mencapai tahap prestasi yang ditetapkan, iaitu sekurang-kurangnya 85 peratus berdasarkan Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) bagi tempoh tiga tahun terkini atau markah prestasi PBPPP tertinggi sekiranya tiada guru yang mendapat markah minimum 85 peratus bagi tempoh tiga tahun terkini. Hal ini demikian kerana, guru yang mendapat aras markah yang tinggi merupakan insan yang cemerlang dalam lapangan kerjanya. Guru yang hebat ini perlu diberikan peluang untuk menguruskan pusat sumber kerana tanggungjawab menguruskan pusat sumber bukanlah mudah. Tambahan pula, guru pusat sumber diberi peruntukan seperti merancang dan mengajar mata pelajaran antara enam hingga lapan waktu seminggu. Peruntukan masa mengajar yang kurang ini bagi memberikan peluang kepada guru pusat sumber merancang dan melaksanakan dasar dan program tahunan seperti Program Membaca 10 Minit, Program NILAM, dan pelbagai lagi.

Tanggungjawab menjadi guru pusat sumber perlu dikekalkan atau berlaku penambaan seperti yang terdapat dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 3 Tahun 2005 - Penyelarasan Waktu Mengajar Bagi Guru Penyelaras Bestari Serta Guru Perpustakaan dan Media Sekolah (Guru Penyelaras Pusat Sumber Sekolah). Guru pusat sumber mempunyai tanggungjawab besar dan menuntut komitmen yang tinggi. Guru pusat sumber bersama-sama barisan pentadbir sekolah perlu mempunyai jalan perbincangan yang seiring bagi memastikan bahan sumber untuk guru dan murid lengkap dan tidak tiris. Hal ini dapat menjamin kualiti bahan memadai dengan kepelbagaian keupayaan murid. Oleh hal yang demikian, cadangan pelantikan guru pusat sumber perlu diteliti dan dikaji semula agar permasalahan yang berlaku di lapangan tidak semakin meruncing.

Penyelidik juga mencadangkan penglibatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dalam menyediakan infrastruktur dan bahan-bahan terbaik di pusat sumber sekolah seharusnya diambil kira. Penglibatan ibu bapa dapat meringankan beban guru dari sudut mengindahkan pusat sumber seperti mengemas buku, menyusun kerusi dan meja, membuat mural, dan apa jua tenaga kerja yang diperlukan. Hal ini selari dengan Sarana Ibu Bapa yang diuar-uarkan untuk membantu dan menyokong program yang dijalankan di sekolah. Selain itu, sarana ibu bapa juga digalakkan membantu guru dalam menyediakan infrastruktur dan ruang bahan di sekolah (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, 2012).

Idea baharu seperti pembukaan 'mini kafe' di pusat sumber boleh diurus oleh ibu bapa yang mempunyai kelapangan masa. Hal ini dapat menarik minat murid untuk berkunjung ke pusat sumber dan seterusnya meningkatkan motivasi murid membaca buku. Selain itu, aktiviti permainan tradisional seperti congkak, permainan dalaman seperti dam, *chess*, *sahibba* dan monopoli misalnya dapat digerakkan dengan pemantauan ibu bapa. Hal ini selari dengan pandangan Ilangko Subramaniam (2014) yang menjelaskan bahawa aktiviti permainan bahasa dapat meningkatkan wahana penguasaan kosa kata murid yang lemah. Begitu juga dengan pandangan Sri Rahayu Ramlan dan Zawiyah Kosman (2016) yang memberikan contoh penggunaan kad permainan bahasa dapat meningkatkan perbendaharaan kata untuk murid yang lemah. Justeru itu, menerusi permainan bahasa seperti *sahibba* misalnya, dapat mengukuhkan penguasaan kosa kata murid. Peranan ibu bapa ketika ini dalam membimbing murid amat digalakkan.

Ibu bapa juga dapat membantu guru menyediakan bahan pameran dengan pelbagai tema seperti Bulan Kebangsaan, Hari Ibu, Hari Bapa, Hari Jururawat, Hari Polis, dan perayaan-perayaan di Malaysia. Hal ini dapat menyemarakkan program dan aktiviti yang berlaku di pusat sumber sekolah khususnya dengan keterlibatan PIBG, iaitu ibu bapa murid itu sendiri. Maka,

kerjasama yang erat ini ibarat serampang dua mata untuk menjadikan pusat sumber sekolah tempat yang berfungsi sebagai wadah meneroka ilmu selain menyahut Sarana Ibu Bapa yang pernah diuar-uarkan suatu ketika dahulu.

KESIMPULAN

Pengurusan pusat sumber di sekolah orang Asli ini berpotensi untuk menjadi sebuah gedung ilmu yang kondusif dengan penggunaan optimum bahan pembelajaran murid di kawasan sekitar. Pentadbir sekolah perlu memainkan peranan penting dengan mengenal pasti guru yang mempunyai kelayakan ikhtisas, berpengalaman dan mempunyai iltizam untuk membangunkan pusat sumber berkualiti di sekolah. Tanggungjawab yang digalas ini bukanlah mudah dan menuntut kesabaran semua pihak terlibat. Pengurusan pusat sumber sekolah yang berkualiti tidak datang dalam masa sehari tetapi dirancang, diurus, dan dilaksanakan melalui proses-proses yang memakan masa sehingga berbulan dan mungkin bertahun. Guru yang dilantik pula seharusnya memainkan peranan memastikan pengurusan pusat sumber sentiasa terkini, berkesan, dan mengikut peredaran masa. Misalnya, perkembangan dunia *Artificial Intelligence* (AI) telah ada sedikit sebanyak di pusat sumber sekolah. Paling tidak pun pameran AI dengan bahan-bahan bacaan seperti itu disediakan. Keterlibatan PIBG juga dapat meringankan beban guru dalam menyediakan infrastruktur dan bahan-bahan terbaik di pusat sumber. Oleh hal yang demikian, cabaran mereyakasa pusat sumber sebenarnya dapat diatasi dengan adanya kesungguhan dan sokongan semua pihak yang terlibat.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Rendah di Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 1-12.
- Azlinda A. Rahman. (2018). Pemahaman Bacaan Bahan Bahasa Melayu dalam Kalangan Remaja. *Tesis PhD*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Bahagian Pengurusan Sekolah Harian. (2012). *Sarana Ibu Bapa*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Dechant, V. (2012). *Improving the Teaching of Reading*. (3rd Ed.) USA: Prentice Hall.
- Ilangko Subramaniam. (2014). Aktiviti permainan bahasa, wahana penguasaan kosa kata. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(2), 1-9.
- Penyerapan Waktu Mengajar Bagi Guru Penyelaras Bestari Serta Guru Perpustakaan dan Media Sekolah (Guru Penyelaras Pusat Sumber). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3 / 2005*.
- Sri Rahayu Ramlan & Zawiyah Kosman. (2016). Penggunaan Kad Permainan Bahasa dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Seminar Bahasa Melayu 2016: Menjana Inovasi Memarak Inspirasi*, 359 – 368. Pusat Bahasa Melayu Singapura (Malay Language Centre of Singapore), Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura.